

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PANGGILBALIK PRODUK “PO CHAI PILLS” OLEH HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA) SINGAPURA DAN DEPARTMENT OF HEALTH, HONG KONG.**

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menerima maklumat dari Health Sciences Authority (HSA) Singapura mengenai panggilan balik ke atas produk tradisional “Po Chai Pills Capsule Form”, nombor kelompok 21217 yang dikilangkan oleh Li Chung Shing Tong (Holdings) Ltd, Hong Kong berikutan dengan pengesanan bahan phenolphthalein dan sibutramine dalam keluaran tersebut. Walaubagaimanapun, panggilan balik ini hanya melibatkan kelompok 21217 produk berkenaan.

Berikutan itu, Department of Health, Hong Kong telah mengarahkan pengilang Li Chung Shing Tong (Holdings) Ltd, Hong Kong untuk menjalankan panggilan balik ke atas kedua-dua produk yang dikilangkan oleh pengilang berkenaan iaitu “Po Chai Pills Capsule Form” dan “Po Chai Pills Bottle Form”.

Phenolphthalein sejenis bahan kimia yang pernah digunakan dalam rawatan sembelit dan penggunaannya telah dilarang kerana ia boleh mengakibatkan barah kepada pengguna. Sibutramine adalah sejenis bahan racun berjadual yang digunakan untuk penurunan berat badan dan penggunaannya tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan kesan advers serius seperti tekanan darah tinggi dan kesan kardiovaskular yang lain. Dengan itu, adalah sangat bahaya sekiranya produk ini digunakan oleh orang yang berisiko tinggi terhadap kesan advers ini.

“Po Chai Pills Capsule Form” yang didapati campurpalsu oleh HSA Singapura adalah tidak berdaftar di Malaysia. Walaubagaimanapun PBKD telah mendaftarkan satu produk yang dikilangkan oleh Li Chung Shing Tong, Hong Kong dengan nama “Poh Chai Pill”

(nombor pendaftaran MAL 19988034T) yang digunakan secara tradisional untuk melegakan demam, selsema, cirit birit, muntah dan sakit perut.

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) telah memperolehi sampel "Poh Chai Pill" dan sedang menjalankan pengujian terhadapnya. Orang awam dinasihatkan untuk berwaspada terhadap produk "Poh Chai Pill" sehingga PBKD membuat makluman terhadap status terkini keselamatan produk ini. Pengguna dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaan produk ini dengan serta merta jika berlaku sebarang kesan advers atau ketidakselesaan dan mendapatkan nasihat profesional perubatan.

Tan Sri Dato' Seri Dr Hj Mohd Ismail Merican  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Merangkap Pengerusi PBKD  
Kementerian Kesihatan Malaysia

25 Mac 2010

